

CNS9302

U GB 22-07 00167 BA964

aab

Mahathir - Umno

MAHATHIR TIDAK PERLU PAKSA JAWATAN TPM TIDAK DIPERTANDINGKAN

TAPAH, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak perlu memaksa supaya jawatan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan dan hanya boleh "menasihatkan kuat-kuat" agar tidak berlaku pertandingan.

Perdana Menteri berkata, pendirian beliau mengenai perkara itu adalah jelas dan beliau telah berusaha setakat yang mungkin.

"Pada pendapat saya, sepatutnya tidak ada pertandingan kerana tradisi Umno, kita tidak bertanding kalau jawatan itu ada incumbent (penyandang)," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu pada persidangan akhbar di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan dua hari ke Perak.

"Saya tidak boleh memaksa. Nasihat bolehlah. Nasihat kuat-kuat," katanya.

Ketika ditanya pada tahap mana beliau akan campur tangan bagi memastikan tidak ada pertandingan bagi jawatan itu, Dr Mahathir berkata; "Saya fikir saya dah buat pendirian jelas dan saya sudah nasihat. Saya sudah usaha setakat yang mungkin." -- Lagi.

▼22/07/19-16MST

U GB 22-07 00166 BA967

aab

Mahathir - Umno 2 Tapah

Dr Mahathir berkata, usaha untuk memastikan tidak ada pertandingan hanya boleh dilakukan secara pujukan dan menambah kata; "Itu pendapat saya".

Beliau bagaimanapun mengakui bahawa dalam sistem Umno yang ada sekarang, adalah susah untuk menyekat seseorang itu daripada bertanding sekiranya ada pencalonan bagi dirinya.

"Tetapi saya harap nasihat saya akan diterima," katanya.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai laporan akhbar bahasa Cina yang menyebut Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba sebagai berkata bahawa beliau (Dr Mahathir) akan terus menyokongnya sebagai Timbalan Presiden Umno, Dr Mahathir berkata; "Ya...saya akan menyokongnya sebagai Timbalan Presiden Umno."

Mengenai cadangan anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Dr Mohd Yusof Nor supaya ditambah bilangan Naib Presiden parti, beliau berkata, terpulanglah kepada Umno untuk menimbangkannya.

Apabila ditanya sama ada perpaduan Umno terjejas menjelang pemilihan parti November depan, beliau berkata, keadaan sekarang "excited sikit" tetapi itu adalah perkara biasa dan beliau yakin situasi akan kembali tenang. -- Lagi.

▼22/07/19-27MST

aab

Mahathir - Umno 3 (Akhir) Tapah

Perdana Menteri berkata pada pertemuan tertutupnya dengan pemimpin Umno Perak semalam, beliau juga mengingatkan mereka mengenai perlunya mengukuhkan perpaduan parti.

Dr Mahathir juga berkata BN akan memberi tentangan sekiranya benar Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan akan membubarkan Dewan Undangan Negeri Sabah bagi membolehkan pilihan raya umum negeri diadakan.

Ketika ditanya kemungkinan Pairin akan memilih tarikh semasa Umno sibuk mengadakan pemilihan, beliau berkata: "Kalau dia ahli politik, dia tentu cari masa terbaik baik bagi diri dia dan bukan bagi diri musuh dia. Kita musuh dia."

Bagaimanapun, katanya, Umno akan tetap berkempen bagi memastikan kejayaan pada pilihan raya itu sekalipun sibuk dengan perhimpunan parti.

Ditanya strategi yang akan digunakan oleh BN untuk mendapatkan semula kuasa memerintah di Sabah, beliau hanya berkata BN mempunyai "banyak strategi". -- Bernama.

JO SJA RON

▼22/07/21-41MST